

Peniaga jual pelitup muka mahal kena tindakan

Kangar: Tindakan seorang peniaga di Taman Sena dekat sini, menjual pelitup harga melebihi harga maksimum yang ditetapkan, mengundang padah apabila dia dikenakan tindakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), kelmarin.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Perlis, Mohamad Amir Abdullah, berkata pada serbuhan jam 3 petang itu peniaga berusia 40-an berkenaan, didapati menjual pelitup muka pada harga RM2 seunit di premisnya.

"KPDNHEP melakukan proses 'uji beli' di premis perniagaan itu berdasarkan maklumat

awam dan didapati pelitup muka tiga lapisan yang sepertinya dijual tidak melebihi RM1.50 se-unit dijual pada harga RM2 se-unit," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohamad Amir berkata, pihaknya merampas 38 helaihan pelitup muka sebagai bahan bukti bagi melakukan siasatan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Kes ini akan dibawa ke mahkamah dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.



Pegawai KPDNHEP memeriksa pelitup muka yang dijual melebihi harga maksimum di Taman Sena, semalam.

(Foto ihsan KPDNHEP)